

28.8.2019

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).

PULAU PINANG PERLU AIR MENTAH DARI SUNGAI PERAK MENJELANG 2025

- **Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) perlu dilaksanakan menjelang tahun 2025 untuk memastikan “tiada catuan air” di Pulau Pinang pada masa hadapan.**

PULAU PINANG, Rabu, 28.8.2019: Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) berharap pentauliahkan Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) menjelang tahun 2025.

Pulau Pinang perlukan SPRWTS segera kerana Sungai Muda, sumber air mentah utama untuk Kedah dan Pulau Pinang, hanya boleh memenuhi keperluan air mentah kedua-dua negeri sehingga 2025.

Perkara ini dinyatakan dalam “Kajian Pelan Induk bagi Bekalan Air Minuman di Pulau Pinang sehingga Tahun 2050” yang telah dijalankan oleh PBAPP pada tahun 2009.

Sehubungan itu, kajian itu mencadangkan pelaksanaan SPRWTS untuk meneroka sumber air mentah kedua bagi Pulau Pinang.

Keperluan Pulau Pinang untuk meneroka sumber air mentah kedua

Sejak 1973, Sungai Muda adalah sumber air mentah utama Pulau Pinang. Pada masa ini, lebih 80% air mentah Pulau Pinang diabstrak dari sungai ini.

Pada tahun 2018, PBAPP mengeluarkan 1.073 juta liter sehari (MLD) air terawat setiap hari dengan mengabstrak air mentah dari Sungai Muda dan beberapa sumber air mentah yang lebih kecil di Pulau Pinang.

Permintaan air di Pulau Pinang dijangka mencapai 1,483 MLD menjelang 2030; 1,696 MLD menjelang 2040 dan 1,884 MLD menjelang 2050. Adalah mustahil untuk PBAPP mengabstrak air mentah yang cukup dari Sungai Muda untuk memenuhi permintaan air pada masa hadapan.

Selain itu, Kedah yang melaksanakan Projek Jeniang Transfer 2,592 MLD, seolah-olah akan mengabstrak lebih air dari Sungai Muda dalam masa terdekat, di hulu muka sauk Lahar Tiang PBAPP di Pulau Pinang.

Sejak 2011, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP telah berusaha untuk pelaksanaan SPRWTS, bukan sahaja untuk kepentingan Pulau Pinang, tetapi juga untuk kepentingan Perak Utara.

Walau bagaimanapun, rekod menunjukkan Kerajaan Persekutuan sebelum ini gagal melaksanakan SPRWTS dalam tempoh 2012 – 2018.

Pengumuman yang ditunggu-tunggu

Pada 25.8.2019 dan 26.8.2019, media massa melaporkan dengan memetik Menteri Kewangan YB Tuan Lim Guan Eng sebagai berkata Unit Kerjasama Awam Swasta atau UKAS kementerian itu akan menjalankan penilaian terperinci projek itu.

YB Tuan Lim, yang juga Ahli Parlimen Bagan, juga dipetik sebagai berkata, SPRWTS akan dinilai dengan kerjasama sektor awam dan swasta, yang dijalankan melalui cadangan tender terbuka.

PBAPP ingin mengucapkan terima kasih kepada Menteri yang membuat pengumuman yang dinanti sekian lama berkenaan projek bekalan air utama yang akan memberi manfaat kepada dua negeri: Perak dan Pulau Pinang di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).

Sungai Perak adalah sumber air mentah NCER yang agak kurang digunakan dan SPRWTS berpotensi untuk memastikan kelestarian bekalan air di Perak dan Pulau Pinang sehingga 2050.

Pulau Pinang memerlukan SPRWTS untuk memastikan ia mempunyai air mencukupi untuk merealisasikan aspirasi Visi 2030 menjadi “negeri berorientasi kekeluargaan, hijau dan pintar untuk inspirasi negara”.

Apabila ia dilaksanakan, SPRWTS akan mengurangkan risiko krisis air di Pulau Pinang pada era “perubahan iklim” dengan tempoh dan intensiti cuaca kering adalah lebih sukar dijangka.

Oleh itu, diharapkan Kerajaan Persekutuan, melalui UKAS, akan bertindak segera dan tegas untuk memulakan pelaksanaan SPRWTS lebih cepat.

Tempoh yang ditetapkan untuk pelaksanaan SPRWTS ialah 6 tahun; dan Tahun 2025 adalah 6 tahun dari sekarang.

Sila ambil perhatian bahawa SPRWTS merangkumi fasa-fasa berikut untuk Pulau Pinang:

Fasa	Projek	Menjelang tahun
1	<ul style="list-style-type: none"> Pembinaan terowong air sepanjang 14.8km dan berdiameter 4.25m di sepanjang tanah tinggi yang membahagikan lembangan Sungai Perak dan Sungai Kerian. Pentauliahan Fasa 1 Loji Rawatan Air Sungai Kerian (LRA) baru untuk mengeluarkan 250 MLD air terawat. 	2025
2	Pentauliahan Fasa 2 LRA Sungai Kerian (250 MLD)	2030
3	Pentauliahan Fasa 3 LRA Sungai Kerian (250 MLD)	2040
4	Pentauliahan Fasa 4 LRA Sungai Kerian (250 MLD)	2050
Jangkaan keseluruhan pengeluaran SPRWTS (hingga 2050) bagi Pulau Pinang adalah 1,000 MLD air terawat.		

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my



Sungai Perak in the Lenggong district (Perak), the proposed abstraction area for the Sungai Perak Raw Water Transfer Scheme (SPRWTS). © PBAPP 2019.



Sungai Perak in the Lenggong district (Perak), the proposed abstraction area for the Sungai Perak Raw Water Transfer Scheme (SPRWTS). © PBAPP 2019.